



**UNTUK SIARAN SEGERA
28 SEPTEMBER 2026**

JABATAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

ISTIADAT PENGEBUMIAN PEMBESAR NEGARA ALLAHYARHAMAH TUN DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI

Allahyarhamah Tun Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohd Ali, isteri kepada Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, bekas Perdana Menteri Malaysia telah meninggal dunia pada 9.20 pagi, 28 September 2026 di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur.

Kerajaan telah memutuskan supaya Allahyarhamah Tun Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohd Ali diberi penghormatan “Istiadat Pengebumian Pembesar Negara”.

Jenazah akan dibawa ke Masjid As-Syarif, Taman Sungai Besi Indah, Seri Kembangan, Selangor pada pukul 1.30 tengah hari bagi pengurusan jenazah dan penghormatan terakhir. Jenazah akan disembahyangkan selepas solat Asar di Masjid As-Syarif dan seterusnya dikebumikan di Pusara Negara Presint 20, Putrajaya.

Pakaian bagi pelawat lelaki Islam ialah Baju Kebangsaan warna hitam, bersamping hitam tanpa sebarang corak dan bersongkok hitam, manakala bagi bukan Islam ialah *Lounge Suit* gelap. Selain itu, pakaian lain yang bersesuaian boleh dipakai.

Pakaian bagi pelawat wanita Islam ialah baju kurung/kebaya labuh warna gelap dengan selendang/tudung putih, manakala bagi bukan Islam pakaian sopan warna gelap dan berselendang putih. Selain itu, pakaian lain yang bersesuaian boleh dipakai.

#TAMAT#

**JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA**



*Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini, sila hubungi
Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Perdana Menteri di talian 03- 8872 3437 / 03-8872 3502*